

RISALAH BERKENAAN: UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM: APAKAH YANG MEMBOLEHKAN PEMBAHARUAN PERUNDANGAN ISLAM?



ia adalah satu undang-undang yang digubal oleh negeri atau negara. Oleh kerana keperluan manusia sentiasa berubah, maka undang-undang dan

norma-norma sosial yang membentuk hubungan kekeluargaan juga perlu diselaraskan dan diperhalusi untuk merefleksi perubahan-perubahan ini. Kebanyakan undang-undang keluarga Islam sekarang adalah berasaskan kerangka perundangan fekah yang telah wujud berabad-abad lamanya. Justeru, ia tidak lagi mampu untuk menangani realiti umat Islam pada masa ini. Pembaharuan undang-undang adalah satu cara untuk menangani perubahan sosial dan ekonomi serta memastikan sistem hukum Islam sejajar dengan keperluan sebenar individu dan keluarga masa kini.



Pembaharuan (reformasi) sering terhalang kerana ramai orang yang percaya bahawa undang-undang keluarga Islam datang dari Tuhan, maka, ia tidak boleh diubah. Realitinya, perubahan dan pembaharuan sudah lama wujud dalam tradisi hukum Islam.

Teori perundangan Islam kaya dengan konsep dan kaedah yang sering digunakan pada masa dahulu. Ini membuka ruang untuk undang-undang keluarga Islam menjadi selari dengan realiti umat Islam masa kini serta mencerminkan prinsip keadilan moden pada abad ke-20 yang telah mengiktiraf kesaksamaan gender.

Usul al-fiqh (prinsip-prinsip hukum fekah) adalah kaedah pembaharuan hukum Islam yang telah dibangunkan semasa awal pembentukan tradisi keilmuan Islam, bermula daripada kewafatan Nabi Muhammad (saw) pada 632-950 Masihi di mana undang-undang ketika itu digubal daripada sumber-sumber teks agama. Risalah ini memberi penerangan kepada beberapa konsep utama dalam kaedah usul al-fiqh dan bagaimana ia boleh digunakan sebagai cara untuk melakukan pembaharuan.

PERBANDINGAN SHARI'AH DAN FEKAH



Shari'ah adalah sistem nilai agama Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (saw) untuk membimbing manusia kepada kebenaran dan keadilan. Fekah pula adalah proses di mana manusia berusaha untuk memahami mesej dan prinsip *Shari'ah* daripada teks-teks al-Qur'an dan Sunnah. Hukum-hukum Islam diekstrak daripada sumber-sumber ini.

Shari'ah adalah bertujuan untuk membimbing kehidupan umat Islam dan ia bersifat suci dan kekal. Manakala fekah pula adalah proses di mana manusia cuba untuk membentuk hukum-hukum Islam yang bersumber daripada *Shari'ah*. Seperti sistem perundangan yang lain, fekah adalah hasil usaha manusia, disesuaikan mengikut zaman, bersifat tidak kekal, dan boleh berubah.

PERBANDINGAN IBADAH DAN MU'AMALAT



Undang-undang keluarga Islam termasuk dalam kategori *mu'amalat*. Peraturan sosial dan ikat-janji ini bergantung kepada masa dan keadaan. Maka, ia boleh berubah dan digubal selaras dengan matlamat keadilan yang ingin dicapai.

Para ulama fekah membahagikan hukum-hukum dalam fekah kepada dua kategori: *'ibadat* (amalan-amalan ritual yang bersifat ketuhanan) dan *mu'amalat* (amalan sosial dan kemanusiaan). Hukum-hukum bagi kategori pertama (*'ibadat*) adalah untuk mengatur hubungan antara Tuhan dan manusia. Justeru, ia mempunyai ruang yang

terhad untuk berubah. Hukum-hukum dalam kategori *mu'amalat* adalah bertujuan untuk mengatur hubungan antara sesama manusia. Oleh yang demikian, ia boleh berubah mengikut masa, konteks, dan keadaan.

IJTIHAD

Ijtihad (literal: usaha) adalah proses di mana seseorang itu berusaha untuk memahami dan mengambil hukum-hakam daripada teks-teks agama atau mencari penyelesaian bagi kes-kes yang belum pernah berlaku. Secara tradisi, hak untuk *berijtihad* hanya diberikan kepada para ulama fekah dan dianggap sebagai satu kemahiran yang memerlukan ilmu pengetahuan dan pemahaman tentang al-Quran dan Sunnah yang baik, serta kemahiran untuk mengeluarkan hukum-hakam daripada teks. Walau bagaimanapun, ada ulama fekah seperti al-Shatibi yang melihat bahawa pengetahuan yang mendalam tentang realiti kehidupan juga penting dalam menghasilkan *ijtihad*. Peraturan dan hukum-hakam yang hendak dibuat mestilah melalui proses *ijtihad* yang melibatkan perbincangan pakar daripada pelbagai bidang yang berkaitan.

***Ijtihad* merujuk kepada proses untuk memahami dan mentafsir Shari'ah serta mengeluarkan hukum-hakam yang dapat menyelesaikan masalah sedia ada atau yang akan datang.**

DARURAH

Dalam hukum Islam, *darurah* (literal: keperluan mendesak) adalah keadaan di mana seseorang itu boleh melakukan sesuatu yang berlawanan dengan hukum asal sekiranya berada di dalam keadaan tertentu yang mendesak. Prinsip ini diatur oleh dua kaedah usul al-fiqh: 'Darurat menjadikan sesuatu yang haram kepada halal' ('*Ad-daruratu tubihu al-mahzurat*') dan 'Keperluan mendesak diukur menurut kadar kesulitan yang sebenar'. ('*Ad-daruratu tuqdaru biqadriha*'). Prinsip ini diambil dari surah al-Baqarah 2: 173: "Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, serta daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih bukan kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

***Darurah* adalah kaedah penting yang mengambil kira situasi baru dan mendesak serta memberikan kelonggaran hukum untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih serius.**

IKHTILAF

Ikhtilaf merujuk kepada perselisihan dan kepelbagaian pendapat atau pandangan. Nabi Muhammad (saw) pernah mengatakan bahawa kepelbagaian pendapat dalam kalangan umatnya adalah satu rahmat buat seluruh manusia ('*ikhtilaf ummati rahmatun li al-nas*'). Dalam hukum Islam (fekah), *ikhtilaf al-fuqaha* (perselisihan di antara para ulama fekah) adalah sumber yang penting untuk memahami perkembangan tradisi hukum Islam. Perkara ini bukanlah sesuatu yang negatif malah ia sentiasa dihargai dan dihormati.

Ikhtilaf, perselisihan atau kepelbagaian pendapat, adalah teras dalam tradisi hukum Islam. Ia mengesahkan bahawa fekah adalah seperti sistem perundangan yang lain; ia merupakan hasil usaha manusia, kaya dengan pelbagai pendapat, boleh disesuaikan, dan memberi ruang kepada perkembangan dan kepelbagaian tafsiran teks agama.



MASLAHAH

Maslahah (literal: kebaikan atau manfaat) adalah kaedah hukum Islam yang digunakan untuk membuat peraturan berdasarkan kebaikan, kepentingan dan manfaat individu atau komuniti. *Maslahah* dalam teori hukum Islam difahami sebagai satu prinsip *Shari'ah* yang asas dan perlu (*daruri*).

***Maslahah* adalah kaedah yang boleh digunakan untuk memperbaharui hukum dan undang-undang sedia ada. Ia digunakan untuk merumuskan peraturan dan hukum Islam yang baru yang memberi manfaat dan ia juga menjamin kebajikan individu dan masyarakat dengan mengangkat kepentingan mereka dan melindungi mereka daripada kemudaratan.**

ISTIHSAN DAN ISTISLAH

Istihсан dan *istislah* adalah dua prinsip penaakulan (proses berfikir) hukum Islam yang digagaskan oleh ulama fekah daripada mazhab Hanafi dan Maliki. Istilah ini sering digunakan secara bersalingan. *Istihсан* pula merujuk kepada kaedah memilih satu pendapat daripada beberapa pendapat yang lain yang diekstrak daripada teks berdasarkan apa yang dilihat lebih baik pada pandangan para ulama fekah. *Istislah* pula merujuk kepada kaedah penyelesaian yang mengambil kira perspektif *maslahah* (kebaikan umum) yang lebih sesuai (*munasib*) dan menepati *Shari'ah* dalam keadaan ketiadaan petunjuk daripada teks agama.

***Istihсан* dan *istislah* adalah kaedah usul al-fiqh yang boleh digunakan untuk memperluas perumusan hukum dan undang-undang berdasarkan apa yang dilihat sebagai penyelesaian yang lebih baik kepada individu dan masyarakat.**

Contoh:

BAGAIMANA KONSEP INI MEMBANTU DALAM USAHA ADVOKASI PEMBAHARUAN PERUNDANGAN ISLAM?

Perbezaan di antara *Shari'ah* dan *fekah* dan di antara *'ibadat* dan *mu'amalat* memberikan asas yang kukuh untuk memperbaharui hak-hak suami isteri dan ibu bapa yang tidak saksama dan bersifat menindas dalam undang-undang keluarga Islam masa kini. Undang-undang keluarga adalah hasil usaha



manusia dan berkait rapat dengan perkara-perkara yang berbentuk sosial dan melalui ikat-janji. Oleh yang demikian, ia terbuka kepada perubahan seiring dengan masa, tempat dan keadaan. Undang-undang yang tidak saksama dan bersifat menindas juga bertentangan dengan prinsip keadilan dalam *Shari'ah*, kerana ia membawa kesengsaraan kepada perempuan, lelaki dan kanak-kanak.

Terdapat beberapa contoh bagaimana kaedah *usul al-fiqh* boleh menyumbang kepada pembaharuan undang-undang keluarga Islam:

I.

I. Perceraian sepihak (*talaq*)

Ijtihad boleh digunakan untuk menilai semula undang-undang keluarga yang membenarkan lelaki untuk menjatuhkan *talaq* secara sepihak dan menghadkan hak perempuan untuk bercerai. Ini bertentangan dengan asas perkahwinan dalam Islam iaitu satu akad yang dibuat dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.

II.

Perwalian lelaki dalam perkahwinan (*wilayah*)

Mazhab-mazhab fekah berbeza pandangan mengenai konsep perwalian dalam perkahwinan. Tidak seperti mazhab-mazhab yang lain, Hanafi membenarkan perempuan untuk melangsungkan perkahwinan mereka sendiri tanpa wali. Adanya *perbezaan pendapat* dalam isu ini menunjukkan bahawa kewujudan wali dalam perkahwinan bagi perempuan bukanlah perintah Tuhan. Justeru, hukum perwalian lelaki boleh berubah mengikut realiti pada masa kini, seperti yang dilakukan oleh ulama mazhab Hanafi.

III.

Perkahwinan kanak-kanak

Kaedah *maslahah* memberikan asas yang kukuh untuk merubah undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak. Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur memudaratkan kesihatan ibu-ibu muda dan anak-anak mereka. Perkahwinan kanak-kanak juga menyekat peluang pembelajaran dan memberi impak negatif ke atas keadaan kewangan dan kesejahteraan keluarga serta kemakmuran ekonomi negara.

IV.

Hak penjagaan anak oleh ibu bapa (*wilayah*)


Undang-undang keluarga yang memberikan hak penjagaan kepada ahli keluarga lelaki tanpa mengambil kira kepentingan dan kemaslahatan kanak-kanak boleh diubah dengan menggunakan kaedah *maslahah*. Kajian menunjukkan bapa yang menuntut hak penjagaan anak ketika berlaku perceraian, tidak menjaga kebajikan anak tersebut. Ibu-ibu yang diberikan hak penjagaan anak tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang sedia ada untuk menguruskan hal ehwal anak contohnya, membuka akaun bank untuk anak, menjaga anak yang mempunyai masalah kesihatan, mengurus keperluan pendidikan mereka dan sebagainya.

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

Usaha menilai semula dan mengubah undang-undang keluarga Islam sedia ada memerlukan pemahaman dan penggunaan prinsip dan kaedah yang mencerminkan realiti masa kini serta konsep keadilan semasa. Proses ini mesti berpandukan nilai teras daripada al-Quran seperti keadilan, kewajaran, dan kesaksamaan (*'adl, qist, insaf*), kebaikan (*ihsan*), dan apa yang diketahui umum sebagai baik dan benar (*ma'ruf*). Sepertimana al-Quran kaya dengan nilai dan prinsip yang memartabatkan visi hubungan keluarga yang lebih adil dan saksama, begitu juga dengan teori, dan etika prinsip-prinsip ilmu hukum Fekah (*usul al-fiqh*), dan apa yang telah kita bincangkan dan nyatakan di atas.



Tradisi hukum Islam sangat kaya, fleksibel dan dinamik. Ia memberi ruang untuk perubahan ke arah hubungan gender yang lebih saksama dan adil di dalam keluarga dan masyarakat.



Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk membina masyarakat Islam yang lebih adil dan saksama?

Sisters in Islam

DITERBITKAN PADA TAHUN 2024
OLEH SIS Forum (Malaysia)

SIS Forum (Malaysia) (266561W)

Reka letak oleh **Notion**.

Alamat: No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Telefon: +603-7960 3357,
+603-7960 5121, +603-7960 6733
+6012-812 3424 (Telenisa)

Faks: +603-7960 8737

E-mel: sis@sistersinislam.org.my

Laman Sesawang: <https://sistersinislam.org>

@SistersInIslam

OFFICIALSIS

SistersInIslamMYS

@sistersinislam.my

Isi kandungan ini diterjemah daripada **Musawah Knowledge Building Briefs**, dengan kebenaran daripada pihak Musawah. Musawah adalah gerakan global bagi kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Muslim • www.musawah.org